

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN

TARIKH: 26 MAC 2015

SOALAN:

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam membantu graduan untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka.

PR-1331-L65772

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah merangka dan melaksanakan pelbagai program untuk membantu rakyat negara ini mencari pekerjaan termasuklah para graduan.

2. Di antara program-program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Program Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun. Ia bertujuan sebagai *platform* bagi para graduan dan majikan untuk bertemu dan mendapatkan pekerjaan dan calon pekerja yang sesuai dengan kehendak mereka.

3. Semasa Program Karnival Kerjaya tersebut berlangsung, pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah turut dilaksanakan seperti Pelaksanaan Program Penyesuaian Kerjaya (2PK). Melalui program ini beberapa modul yang relevan kepada bakal para graduan telah diperkenalkan seperti ujian personaliti, tips menghadiri temuduga, penulisan *resume*, pengurusan kewangan dan pembangunan kerjaya (seperti ceramah kerjaya, klinik kerjaya dan ikon kerjaya).

4. Disamping itu, pihak Kerajaan melalui agensi yang terlibat telah mengadakan kerjasama dengan syarikat perunding yang berdaftar dalam membantu meningkatkan kemahiran *soft skills* dan *interpersonal skills* kepada pencari kerja dan kemudiannya membantu penempatan pekerjaan kepada para graduan tersebut.

5. Melalui kerjasama ini para graduan yang masih belum mendapat pekerjaan akan dibantu untuk mempertingkatkan keupayaan diri supaya mendapat nilai tambah bagi kebolehpasaran dalam bidang pekerjaan.

6. Selain daripada itu, pihak KSM dengan kerjasama pihak pengurusan institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) merancang untuk mewujudkan sudut *Career Information Center (CIC)* di semua IPT samaada awam dan swasta. Ini bagi memberikan maklumat terkini berkaitan kerjaya selepas menera menamatkan pengajian kelak.